

KEPENTINGAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

Oleh Arif Zakwan Ash'ari

SETIAP hari manusia berkomunikasi untuk menyampaikan hajat, menyiapkan sesuatu kerja, menjalin hubungan, mempengaruhi manusia dan sebagainya. Pada zaman purba, manusia berkomunikasi menggunakan lukisan, di mana manusia menggabungkan lukisan visual dengan tatabahasa dan menyebabkan terbentuknya *hiroglif*. *Hiroglif* ialah kombinasi ikon yang mewakili sesuatu dalam dunia sebenar, dengan susunan tertentu untuk membentuk ayat. Penggunaan ikon ini berkembang kepada penggunaan huruf moden. Malah, ikon ini masih lagi digunakan untuk menggambarkan perasaan tertentu kepada umum, seperti penggunaan *emoji* di media sosial.

Menurut Teori Kecerdasan Howard Gardner, menguasai kemahiran berkomunikasi ini bermaksud kebolehan menggunakan kata-kata secara berkesan dalam lisan dan penulisan, termasuklah kebolehan mengingat maklumat, meyakini orang lain serta bercakap tentang bahasa itu sendiri. Oleh sebab itu, boleh dilihat betapa pentingnya faktor komunikasi dalam kehidupan seharian. Berkomunikasi memerlukan etika dan teknik tertentu supaya komunikasi tersebut mencapai tujuan yang diharapkan. Komunikasi merupakan salah satu faktor penting

bagi mencapai sesuatu kejayaan. Rundingan merupakan contoh terbaik untuk menggambarkan komunikasi sebagai alat penting bagi mencapai sesuatu keinginan dan kejayaan. Sebagai contohnya, kejayaan mencapai kemerdekaan melalui rundingan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama bersama-sama tokoh negara yang lain di London.

Kemahiran mengarang ayat dalam penulisan surat rasmi, laporan, memo dan manuskrip juga boleh menjadi penanda aras kejayaan seseorang dalam komunikasi. Perkara ini menjadi satu perkara wajib yang perlu dikuasai oleh pegawai sektor awam mahupun sektor swasta. Sepucuk surat dengan susunan kata yang baik mencerminkan adab dan tahap intelektual pengarangnya. Begitu juga dengan penulisan laporan yang baik oleh sesebuah institusi menunjukkan institusi tersebut diyakini dalam pengurusannya. Oleh hal yang demikian, setiap graduan seharusnya menguasai kemahiran penulisan bagi memudahkan urusan mereka di alam pekerjaan.

Penulisan resume dan maklumat diri yang baik amat penting apabila memohon sesebuah jawatan pekerjaan. Penglibatan mahasiswa dalam kelab atau persatuan di kampus memberi

peluang untuk mempelajari kaedah penulisan serta kemahiran menulis yang sedia ada. Sebagai tambahan, pelajarilah etika penulisan e-mel yang betul, termasuklah cara membalas e-mel dan penggunaan "cc" dan "bcc" pada ruangan e-mel. Rebutlah peluang untuk menyertai bengkel atau kursus penulisan surat rasmi dan memo yang diadakan di kampus masing-masing untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

Selain itu, komunikasi yang berkesan adalah dengan memberikan maklumat yang diperlukan sahaja tanpa bercakap dengan berjele-jele panjangnya, tidak berbohong, tidak melebihi-lebihkan sesuatu perkara yang kecil dan yang besar dan bercakap dengan minat. Dalam kata yang mudah, komunikasi yang ringkas dan padat dapat mencapai objektif dan keberkesanan komunikasi tersebut. Bagi mahasiswa yang sering membuat pembentangan tugas, penulis ini menyarankan agar anda melakukan sedikit kajian tentang bahasa dan jenis komunikasi yang digunakan oleh ahli perniagaan, Steve Jobs, yang mampu memukau khlayak ketika berucap. Beliau merupakan tokoh perniagaan yang berjaya menarik perhatian dunia apabila mempromosikan produknya melalui teknik komunikasi yang berkesan.

Bahasa badan atau *body language* merupakan salah satu faktor penting ketika berkomunikasi. Terdapat tiga teknik untuk meningkatkan bahasa badan menurut Carmine Gallo dalam bukunya yang bertajuk *The Presentation Secrets of Steve Jobs*. Teknik yang pertama ialah hubungan mata. Kajian mendapati bahawa hubungan mata itu dikaitkan dengan kejujuran, kebolehpercayaan, keikhlasan dan keyakinan. Apabila seseorang itu kerap mengelak hubungan mata apabila berkomunikasi, maka hal ini menggambarkan seseorang kurang keyakinan dan tiada kebolehan untuk memimpin. Teknik yang kedua ialah postur badan terbuka. Postur badan yang terbuka ketika berkomunikasi secara psikologinya menunjukkan bahawa seseorang tiada halangan dan tiada rahsia antara dirinya dengan orang yang lain. Teknik yang ketiga pula ialah isyarat tangan. Penggunaan isyarat tangan dapat meningkatkan kualiti pertuturan seseorang dengan lebih baik kerana proses pemikiran mereka menjadi lebih jelas.

Sebenarnya, terdapat banyak buku di pasaran yang boleh menerangkan dengan lebih terperinci tentang kemahiran berkomunikasi dengan cemerlang. Anda juga boleh mendapatkan tips berkomunikasi dengan betul melalui pembacaan

Berkomunikasi memerlukan etika dan teknik tertentu supaya komunikasi tersebut mencapai tujuan seperti yang diharapkan.

buku yang betul. Pilihlah teori komunikasi yang bersesuaian dengan diri anda dan orang yang anda akan berkomunikasi. Dalam hal ini, cara berkomunikasi antara golongan muda dengan golongan tua berbeza. Begitu juga ketika berkomunikasi dengan pensyarah di universiti atau ketua di tempat kerja. Ambil masa untuk mengkaji dan mempelajari teknik komunikasi yang betul agar diri anda disukai oleh orang ramai dan menjadikan anda lebih kredibiliti dalam kerjaya.

Secara kesimpulannya, sentiasalah berusaha untuk menguasai kemahiran komunikasi dalam penulisan, pengucapan di tempat awam dan bahasa badan. Sentiasalah mempraktikkan ilmu berkomunikasi setiap masa agar menjadi kebiasaan dalam diri dan ilmu tersebut tidak luput daripada ingatan. Hendak menjadi insan hebat? Kuasai kemahiran berkomunikasi. 📌

